



15 SEP, 2025

Bekalan elektrik di Pantai Timur Sabah mula pulih

Harian Metro, Malaysia



Tawau: Bekalan elektrik di beberapa kawasan di Pantai Timur Sabah mula dipulihkan secara berperingkat sejak kelmarin.

Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) dalam hantaran di Facebook rasmi memaklumkan bekalan elektrik di Kunak dan beberapa kawasan di Lahad Datu sudah dipulihkan.

Di Semporna, bekalan turut pulih membabitkan Stesen Pam Minyak Buraq Oil, Kampung Sri Melor dan kawasan sekitarnya, manakala di Tawau, kawasan yang pulih termasuk Jalan Kampung Tinagat, Kampung Batu Payung, QL Farm, Jalan Apas Parit, Sekolah Kebangsaan Batu Payung, Sekolah Kebangsaan Kinabutan Besar dan sekitarnya.

Kelmarin, beberapa daerah di Pantai Timur Sabah mengalami gangguan bekalan elektrik susulan kerosakan talian penghantaran 275kV Kolopis-Segaliud



PUSAT bandar Sandakan bergelap ketika bekalan elektrik terputus.

Bekalan elektrik di Pantai Timur Sabah mula pulih

melibatkan talian 1 dan 2 pada jam 5.05 petang.

SESB memaklumkan daerah yang terjejas termasuk Sandakan, Lahad Datu, Kinabatangan, Kunak, Semporna, Beluran dan Tawau.

Sementara itu, tinjauan BERNAMA pada jam 7 pagi semalam mendapati seba-

hagian kawasan di Tawau masih mengalami gangguan bekalan melebihi 13 jam.

Ahli Parlimen Sandakan Vivian Wong Shir Yee dalam hantaran Facebook rasminya turut memaklumkan beberapa kawasan di Sandakan berdepan gangguan elektrik yang

berlarutan sehingga 13 jam.

“Belum terima maklum balas terkini daripada Sabah Electricity,” katanya.

Tinjauan Bernama juga mendapati talian internet di kawasan terjejas turut mengalami gangguan dengan capaian menjadi lebih perlahan daripada biasa.